



Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : KP(BS)8601/01/0400/Jld.II/(91)

Tarikh : 17 Februari 1992

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 2/1992 :

**Pelaksanaan Mata Pelajaran Literasi Komputer
Bagi Tingkatan I dan Tingkatan II Fasa I Projek KDP di 60 Buah Sekolah**

Dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan, dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Kurikulum yang ke 1/92 pada 9 Februari 1992 telah memutuskan supaya Literasi Komputer dijadikan sebagai salah satu mata pelajaran dan bukan sebagai aktiviti kokurikulum Kemahiran Hidup.

2. Pengajaran mata pelajaran Literasi Komputer akan bermula dengan pelajar-pelajar Tingkatan I di 60 buah sekolah menengah yang telah dibekalkan dengan kemudahan komputer. Pengajaran mata pelajaran ini akan disambung ke Tingkatan II pada tahun 1993.
3. Bagi sekolah-sekolah yang tidak termasuk dalam Projek Perintis Komputer Dalam Pendidikan, bolehlah turut menyertai program tersebut sekiranya mempunyai segala kemudahan yang diperlukan.
4. Sukatan Pelajaran Literasi Komputer telah digubal dan guru-guru yang terlibat dikehendaki mengajar mengikut Sukatan Pelajaran Literasi Komputer. Walau bagaimanapun, guru-guru boleh mengolah urutan tajuk-tajuk dalam Sukatan Pelajaran ini mengikut kesesuaian dan keperluan.
5. Masa pengajaran Literasi Komputer ialah **2 waktu seminggu**. Pihak pengurusan sekolah diharapkan dapat menyusun jadual waktu yang bersesuaian.
6. Kandungan pekeliling ini hendaklah dimaklumkan pada semua sekolah menengah.

DATO' ASIAH BT ABU SAMAH
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

- s.k
1. Y.B. Datuk Amar Dr. Sulaiman Daud
Menteri Pendidikan Malaysia
 2. Y.B. Dr. Leo Michael Toyad
Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
 3. Y.B. Dr. Fong Chan Onn
Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
 4. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan
 5. Timbalan Ketua Setiausaha I
Kementerian Pendidikan
 6. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan I
Kementerian Pendidikan
 7. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan II
Kementerian Pendidikan
 8. Timbalan Ketua Setiausaha II
 9. Semua Ketua Bahagian
Kementerian Pendidikan
 10. Ketua Jemaah Nazir Sekolah
Kementerian Pendidikan
 11. Ketua Perhubungan Awam
Kementerian Pendidikan